

---

**THE CONCEPT OF WHIPPING PUNISHMENT ACCORDING TO SHARA' AND ISLAMIC LAW IN THE STATE OF JOHOR**

**KONSEP HUKUMAN SEBAT MENURUT HUKUM SYARAK DAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI NEGERI JOHOR**

<sup>i</sup>\*Mohd Rafi Mohd Sanusi, <sup>ii</sup>Nasrul Hisyam Nor Muhamad

iCalon Siswazah Akedemi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai 81310, Johor Bahru, Johor

<sup>ii</sup>Pensyarah Kanan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor Bahru, Johor

\*(Corresponding author) email: [mohdrafi@graduate.utm.my](mailto:mohdrafi@graduate.utm.my)

**ABSTRACT**

Whipping is a form of punishment that has its own meaning. Provisions of Islamic law related to whipping have been stated in the Syariah Criminal Offenses Enactment 1997 and the Syariah Criminal Procedure (State of Johor) Enactment 2003. This paper aims to discuss the definition of whipping according to Islamic and legal perspectives. This discussion focuses on whipping based on the Quran, al-Hadith and the views of the fuqaha 'as well as sharia criminal law in the State of Johor. The methodology used in this study is a literature review that is the analysis of documents such as the Quran, al-Hadith, books and articles, journals and related laws. The results of the study found that there is the concept of whipping in Islamic law and the views of the fuhaqa as well as Islamic criminal law in Islamic courts in the state of Johor.

**Keywords:** Whipping Punishment, Islamic Law

# **Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor**

## **ABSTRAK**

Hukuman sebat adalah salah satu bentuk hukuman yang mempunyai pengertian yang tersendiri. Peruntukan perundangan Islam berkaitan hukuman sebat telah dinyatakan di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003. Kertas kerja ini bertujuan membincangkan definisi sebat menurut perspektif Islam dan undang-undang. Perbincangan ini memfokuskan kepada hukuman sebat berdasarkan al-Quran, al-Hadith dan pandangan para fuqaha' serta undang-undang jenayah syariah di Negeri Johor. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu analisis dokumen seperti al-Quran, al-Hadith, kitab-kitab dan artikel-artikel, jurnal-jurnal serta undang-undang yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat konsep sebat dalam hukum syarak dan pandangan para fuqaha' serta undang-undang jenayah syariah di mahkamah syariah di negeri Johor.

**Kata kunci:** *Hukuman Sebat, Hukum Syarak, Undang-Undang Syariah*

## **Pendahuluan**

Peruntukan hukuman sebat di Negeri Johor jelas terdapat di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 dan di dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 bagi tujuan pelaksanaanya. Di dalam enakmen ini tidak semua kesalahan yang memperuntukkan hukuman sebat ke atas pesalah, hanya beberapa kesalahan sahaja yang boleh dikenakan hukuman sebat. Namun begitu hukuman sebat ini kurang digunakan oleh hakim syarie apabila hendak menjatuhkan hukuman kepada pesalah dan lebih cenderung kepada hukuman denda atau penjara. Ini kerana di Negeri Johor tiada mekanisme dan prasarana yang khusus berkaitan pelaksanaan hukuman sebat bagi pesalah Syariah. Oleh sebab itu kebanyakkan hakim syarie di Negeri ini terlepas pandang dalam memberikan hukuman sebat kepada pesalah.

Hukuman sebat merupakan suatu hukuman yang telah wujud dalam pelbagai tamadun sejak zaman silam lagi. Perundangan Islam juga telah wujud sejak 1400 tahun dahulu dan hukuman sebat juga telah dilaksanakan terutamanya dalam dua kesalahan hudud iaitu minum arak dan berzina. Hukuman sebat ini juga terbukti berlaku pada zaman lampau di tanah melayu pada tarikh 22 Februari 1303 sepertimana yang terpahat di batu bersurat Terengganu berkenaan dengan hukuman terhadap pesalah-pesalah zina. Ini dapat difahami melaui petikan berikut: "*Orang berbuat bala cara laki-laki perempuan satitah Dewata Maha Raya jika merdeka bujang palu seratus rotan. Jika merdeka beristeri atau perempuan bersuarni ditanam hinggakan pinggang dihambalang dengan batu matikan*" Siti Zubaidah Ismail (2004).

## **Takrif Sebat Menurut Syarak dari segi bahasa**

Perkataan sebat adalah berasal daripada Bahasa arab iaitu al-jald yang di ambil daripada perkataan asalnya iaitu al-jild yang membawa maksud kulit, Al-Munjid (1986). Menurut ibnu Manzur (1955), perkataan al-jald adalah sebagai satu kata nama terbitan daripada perkataan asalnya yang membawa maksud suatu deraan atau pukulan. Mengikut pada pengertian dari segi bahasa tersebut jelas sekali menunjukkan bahawa pukulan atau deraan itu dikenakan ke atas kulit badan seseorang dan bukannya dikenakan ke atas isi badan ataupun tulang seseorang. Sekiranya pukulan atau deraan itu dibuat sehingga orang yang dikenakan sebat itu merasa sakit dibahagian isi badan ataupun tulang maka perbuatan itu tidak sama seperti apa yang telah ditakrifkan ini.

Selain itu, mengikut kamus DBP (2017) sebat didefinisikan sebagai pukul dengan menggunakan rotan dan lain-lain. Ianya juga boleh diertikan sebagai suatu hukuman dengan cara menyebat atau memukul dengan menggunakan benda yang halus dan lentur seperti rotan, lidi dan lain-lain. Ini bermakna di dalam bahasa Melayu perkataan sebat atau menyebat ialah memukul dengan benda yang halus atau lentur seperti rotan, lidi dan lain-lain, (Md.Nor Ab.Ghani, 1970). Menurut Hawa Abdullah dan T.Vijayarani (2002) perkataan

## Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor

sebat di dalam bahasa Inggeris pula sebat disebut sebagai “whipping” ianya bermaksud sebagai sebatan ataupun pukulan dengan menggunakan cemeti. Selain itu juga takrif sebat berdasarkan Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat 1987 (Negeri Kelantan) membawa erti pukulan dengan rotan oleh pegawai yang ditugaskan khas oleh pihak berkuasa tempatan. Mengikut pada takrif yang diberikan di dalam kaedah-kaedah hukuman sebat ini jelas menunjukkan bahawa sebat merupakan satu pukulan dengan menggunakan rotan yang akan dilaksanakan oleh seorang pegawai khas yang telah ditugaskan oleh pihak berkuasa tempatan. Semua penerangan definisi menurut bahasa adalah hampir membawa maksud yang sama iaitu pukulan, deraan yang ditujukan ke atas kulit badan manusia dengan menggunakan alat sebatan seperti rotan, cemeti dan sebagainya.

### Maksud sebat dari segi istilah

Istilah sebat di dalam kitab-kitab fikh pula tidak banyak yang memberikan takrif secara terperinci tentang sebat. Menurut Ibnu Qudamah perkataan *al-jald* boleh dertiakan sebagai memukul atau mendera dengan menggunakan *as-Sawt* iaitu cemeti. Perkataan *as-Sawt* ini menurut imam al-Shawkani sebagai satu ranting kayu bersaiz sederhana dan keadaannya tidak terlalu baru dan tidak pula terlalu lamu. Saiz ukur lilit ranting tersebut adalah sebesar jari manakalan panjangnya pula adalah bersaiz satu hasta. Menuruk Ibnu Taimiyah sebat ini dertiakan sebagai suatu bentuk pukulan yang bersifat sederhana iaitu pukulannya tidak terlalu kuat dan tidak pula terlalu perlahan dengan menggunakan alat seperti cemeti yang tidak terlalu berat dan tidak pula terlalu ringan.

Pemakaian istilah atau perkataan sebat ini juga berdasarkan daripada keterangan-keterangan yang terdapat di dalam Al-quran dan hadith yang menggunakan perkataan *al-jald* dan *al-darb* yang membawa maksud deraan atau pukulan sebagai salah satu bentuk hukuman kepada pesalah antara firman Allah ta’ala ialah di dalam kesalahan berzina sepertimana di dalam firman Allah ta’ala yang berbunyi :

الرَّانِيَةُ وَالرَّانِي فَاجْلَدُوا...

Bermaksud: Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya...

(Surah al-Nur 24 : 2)

Selain itu juga perkataan *al-jald* ini juga terdapat di dalam surah al-Nisak dalam kesalahan qazaft iaitu seseorang yang menuduh wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan selepas itu di dalam penghakiman mereka yang menuduh itu tidak dapat mendatangkan empat orang saksi, maka di dalam ayat ini menerangkan mereka boleh di dera atau di pukul sebanyak 80 puluh kali deraan dan perkara yang di lakukan itu merupakan salah satu dosa besar seperti mana firman Allah ta’ala yang berbunyi :

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةٍ شَهَادَةً فَاجْلُوْهُمْ ثَمَانِيَنِ جَلَدًا وَلَا تُقْبِلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَيْدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ...

Bermaksud: dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka deralah mereka (yang menuduh itu) delapan puluh kali dera, dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya dan mereka itulah orang-orang yang fasik.

(Surah al-Nur 4 : 4)

Perkataan sebat ini juga terdapat di dalam surah an-Nisak ayat 34 di mana Allah ta’ala menggunakan perkataan *al-darb* yang membawa maksud pukulan atau deraan keatas fizikal seseorang yang telah melakukan kesalahan tertentu seperti kesalahan di dalam ayat ini Allah ta’ala memberikan kuasa kepada suami sekiranya seseorang suami itu khuatir akan berlaku nusyuz kepada isterinya maka nasihatilah mereka dan pisahkan mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Seperti mana firman Allah ta’ala yang berbunyi :

## Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor

وَاللَّاتِي تَخَافُونَ شُوْرَهُنَّ فَعَطُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْكُمْ فَلَا تَنْبِغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهَا كَبِيرًا ...

Bermaksud: Wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya, maka nasehatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.

(Surah Al-Nisak 4 :34)

Dalam hadith Nabi Muhammad SAW juga ada menyebut berkenaan hukuman peminum minuman yang memabukkan sama ada arak atau yang lainnya adalah dengan sebatan 40 kali dengan syarat-syarat yang akan dijelaskan. Pemerintah harus menjalankan hukuman tersebut hingga 80 kali sebatan sebagai tambahan dengan hukum ta'zir (تعزیر). Ini berdasarkan hadith daripada Anas RA:

كَانَ يَضْرِبُ فِي الْحَمْرَ بِالْجَرِيدِ وَالنَّعَالِ أَرْبَعِينَ...

Maksudnya: “Nabi SAW menyebat peminum arak sebanyak 40 kali sebatan dengan pelepas tamar dan selipar.”

(Hadith Riwayat Muslim)

Hadith yang lain, daripada Anas RA:

أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَاءَ فِي الْحَمْرَ بِالْجَرِيدِ وَالنَّعَالِ ثُمَّ حَلَّ أَبُو بَكْرٍ أَرْبَعِينَ. فَلَمَّا كَانَ عُمْرُ وَدَنَا النَّاسُ مِنَ الرِّيفِ وَالْقُرْيَ قَالَ: مَا تَرَوْنَ فِي جَلْدِ الْحَمْرِ؟ فَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنَ بْنُ عَوْفٍ: أَرَى أَنْ تَجْعَلُهَا كَاحِفَةً لِلْحُدُودِ. قَالَ: فَجَلَدَ عُمْرُ ثَمَانِينَ...

Maksudnya: “Nabi SAW menyebat peminum arak dengan pelepas tamar dan selipar sebanyak 40 kali. Abu Bakar juga pernah menyebat 40 kali. Pada zaman Umar RA, ramai orang dari pedalaman dan kampung datang ke Madinah, lalu Umar bertanya kepada para sahabat, katanya: “Apakah pendapat kamu tentang hukuman sebat atas peminum arak?” Jawab Abdul Rahman bin ‘Auf: “Aku fikir, kamu menjalankan hukum hudud yang paling ringan.” Abdul Rahman berkata: “Selepas itu, Umar RA menghukum 80 kali sebatan.”

(Hadith Riwayat Muslim)

Selain itu, dalam satu hadith Rasulullah SAW yang lain dalam perkara memerintahkan para ibu dan bapa supaya mengajar anak-anak mereka mendirikan solat sewaktu mereka berumur 7 tahun lagi dan memukul mereka apabila kanak-kanak itu enggan mendirikan solat apabila mereka telah mencapai umur 10 tahun seperti mana hadith berikut :

وَعَنْ أَبِي ثُرَيْبَةَ سَبْرَةَ بْنِ مَعْدِ الْجَهْنَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (عَلَمُوا الصَّبِيَّ الصَّلَاةَ إِذْنَ لِسْبِعِ سِنِّينَ، وَاضْرِبُوهُ عَلَيْهَا إِذْنَ عَشَرَ سِنِّينَ) حَدِيثُ حَسْنٌ رُوَاهُ أَبُو دَاوُدُ وَالثَّرِمَذِيُّ وَقَالَ حَدِيثُ حَسْنٌ.

Bermaksud: Didiklah anak-anak kamu untuk mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka (anak-anak) sekiranya mereka tidak mendirikan solat apabila mereka mencapai umur 10 tahun.

(Hadith Riwayat Abu Daud Dan Tarmizi)

Berdasarkan kepada hadith ini, Rasulullah SAW menggunakan perkataan *al-darb* yang membawa maksud pukulan dan perkataan ini digunakan di dalam di dalam ayat al-quran bagi kesalahan isteri yang nusyuz kepada suami dan perintah untuk memukul anak apabila mereka tidak mendirikan solat apabila mencapai umur 10 tahun. Menurut Al-Ramli (1968) istilah perkataan *al-darb* yang digunakan di dalam ayat al-quran dan hadith ini juga merupakan salah satu bentuk hukuman sebatan iaitu *al-jald*. Walaubagaimanapun *istilah al-darb ini lebih sesuai digunakan bagi maksud pukul untuk kesalahan-kesalahan takzir manakalah istilah al-jald lebih sesuai digunakan bagi maksud sebat untuk kesalahan-kelasahan di bawah hukum hudud*. Walaupun kedua-dua istilah itu berlainan, namun sumber asalnya adalah daripada al-quran dan hadith.

## Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor

Dalam konteks kajian ini, makna dan maksud istilah tersebut, sebat dari segi perspektif Islam ialah salah satu bentuk hukuman bagi kesalahan-kesalahan hudud dan takzir dengan memukul dengan menggunakan alat yang tertentu seperti rotan atau cemeti pada kulit anggota badan pesalah tanpa menembusi isi atau tulang pada anggota badan dengan menggunakan kekuatan yang sederhana ketika memukul pesalah. Pukulan atau sebatan ini amat berbeza sekali dengan perspektif undang-undang jenayah sivil kerana ianya adalah satu bentuk pukulan dengan hanyutan yang kuat dan tinggi serta hanya memfokuskan satu bahagian sahaja sehingga melibatkan kecederaan seperti kesan pukulan menembusi kulit anggota badan pada tempat yang di pukul.

### Sebat Menurut Al-Quran, Al-Hadith Dan Pandangan Fuqaha

Terdapat beberapa peruntukan di dalam al-Quran hadith dan pendapat ulama' mengenai hukuman sebat terhadap pesalah yang telah melakukan kesalahan melanggar syariat Islam antaranya ialah dalam kesalahan hudud, qazaft dan takzir. Di antara kesalahan pelanggaran syariat ini ialah berzina, minum arak, dan perbuatan qazaft.

#### Al-Quran

Mengenai kesalahan Allah SWT telah menetapkan di dalam al-Quran 100 kali sebatan ke atas penzina keatas pesalah lelaki dan juga perempuan yang berbunyi :

الَّرَّانِيْهُ وَالرَّانِيْ فَاجِلُوْا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَهُ جَلْدٍ وَلَا تَأْخُذُكُمْ بِهِمَا رَأْفَهٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُوْنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيُشَهِّدَ عَذَابَهُمَا طَلاقِهُمْ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ...

Bermaksud : Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali dera, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah, dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman.

(Surah al-Nur 24 : 2)

Selain itu, bagi kesalahan Qazaft (menuduh zina) pesalah akan dikenakan hukuman sebat sebanyak 80 kali sekiranya pesalah tersebut tidak dapat mengemukakan 4 orang saksi ke atas tuduhan yang telah dibuat, seperti mana firman Allah Ta'ala :

وَالَّذِيْنَ يَرْمُوْنَ الْمُحْسَنَاتِ نَمَّ لَمْ يَأْتُوْا بِأَرْبَعَةِ شَهِيْدَاءَ فَاجِلُوْهُمْ نَمَائِيْنَ جَلْدٍ وَلَا نَقْبِلُوْا لَهُمْ شَهَادَهُ أَبْدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُوْنَ...

Bermaksud: Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka deralah mereka (yang menuduh itu) delapan puluh kali dera, dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya. Dan mereka itulah orang-orang yang fasik.

(Surah al-Nur 24 : 4)

Dalam kesalahan minum arak, hukumannya tidak dijelaskan di dalam al-quran, namun yang dinyatakan hanyalah pengharaman kepada orang Islam supaya menjauhi perkara-perkara yang keji seperti arak, judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah kerana semua perkara tersebut adalah perbuatan syaitan. Seperti mana dalam firman Allah ta'ala surah Al-Ma'idah ayat 90, Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَنِيْرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ...

## Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah semata-mata kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu Berjaya.

(Surah al-Ma'ida 5 : 90)

Selain itu, menurut Mahfozd Mohamad (1993), agama Islam melarang keras seseorang muslim itu meminum arak dalam apa-apa tujuan samada untuk memberikan tenaga dari segi fizikal mahupun mental dan tujuan-tujuan lain. Hal ini kerana minuman arak itu boleh merosakkan akal fikiran dan organ badan seseorang itu. Apabila Akal fikiran rosak ianya akan menjadi salah satu punca berlakunya kejahatan sama ada pada dirinya sendiri ataupun kepada orang lain. Sementara itu, hukum Islam telah menetapkan bahawa arak adalah haram seperti mana yang telah dijelaskan di dalam ayat al-quran.

### As-Sunnah

Hukuman sebat bagi kesalahan zina bagi pesalah yang belum berkahwin terdapat di dalam Al-quran, manakala di dalam hadith Nabi Muhammad SAW memperuntukan hukuman sebat ke atas penzina iaitu hukuman seratus kali sebatan dan pengasingan bagi ghairu muhson dan hukuman seratus kali sebatan dan rejam ke atas penzina muhson. Hukuman ini bertepatan dengan Hadith Rasulullah SAW berikut ini:

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّابَاتِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: حُذُوا عَنِّي، قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَيِّلًا، الْبَكْرُ جَلْدٌ مَائَةٌ وَنَفْيٌ سَنَةٌ، وَالثَّيْبُ بِالثَّيْبِ جَلْدٌ مَائَةٌ وَالرَّجْمُ، رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Bermaksud: Daripada 'Ubaidah Ibn Somit, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Ambillah daripadaku, sesunggunya Allah ta'ala telah mengadakan jalan keluar bagi mereka (iaitu perempuan-perempuan yang berzina), jika dara dengan teruna maka disebat seratus kali dan pengasingan selama satu tahun, jika janda dengan duda maka disebat seratus kali dan direjam.

(Hadith Riwayat Muslim)

Menurut Sayyid Sabiq (2007), hadith ini adalah menjelaskan hukuman yang yang terdapat di dalam ayat yang terkandung di dalam hadith ini. Namun terdapat sedikit perbezaan pendapat ulama' berkenaan hadith ini kerana menurut pendapat al-Khallab mengatakan bahawa pendapatnya mengenai hadith ini ada kaitannya dengan hukuman zina sepertimana yang terkandung didalam al-quran. Apa yang telah ditetapkan oleh Allah ta'ala adalah tidak sama sepertimana yang terdapat di dalam hadith ini. Sekiranya hadith ini menasakhkan ayat al-quran yang sebelum ini maka maknanya akan jadi luas.

Manakala bagi pemimumnya akan dikenakan hukuman sebat sebanyak 40 kali, hukuman had boleh ditambah menjadi 80 kali apabila hakim memandang ianya perlu. Hal ini berdasarkan Hadith Imam Muslim (1991) yang diriwayatkan oleh Anas r.a :

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: (أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَلَدَ فِي الْخَمْرِ بِالْحَرِيدِ وَالْبَغَالِ)، ثُمَّ جَلَدَ أُبُونَ بَكْرٍ أَزْبَيْنَ، فَلَمَّا كَانَ عُمُرُ وَدَنَا النَّاسُ مِنَ الرَّيْفِ وَالْقُرْيَ قَالَ: مَا تَرَوْنَ فِي جَلْدِ الْخَمْرِ؟ فَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ: أَرَى أَنْ تَجْعَلُهَا كَأْخَافِ الْحُدُودِ. قَالَ: فَجَلَدَ عُمُرُ ثَمَانِينَ، رَوَاهُ مُسْلِمٌ...

Bermaksud: Daripada Anas r.a. sesungguhnya Nabi Muhammad SAW telah menyebat orang yang meminum arak dengan pelepas kurma dan sandal, kemudian Abu Bakar menyebat empat puluh kali, dan ketika 'Umar meminta pandangan orang ramai yang datang daripada perkampungan kemudian beliau berkata: apa pandangan kamu mengenai pukulan bagi pemimum arak? kemudian Abdul Rahman bin 'Auf berkata: Aku mengira bahawa kamu akan menjadikannya sebagai hukuman hudud yang paling ringan. Maka 'Umar pun menyebat lapan puluh kali sebatan.

## Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor

(Hadith Riwayat Muslim)

Selain itu, dalam riwayat Imam bukhari, Imam muslim dan Abu daud juga ada mengatakan bahawa suatu ketika seorang peminum arak dihadapkan kehadapan baginda dan dijatuhkan hukuman dengan pukulan sebagaimana hadithnya yang berbunyi :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ -رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ- قَالَ: أَتَيَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرِجْلٍ قَدْ شَرَبَ خَمْرًا، قَالَ: «اَصْرِبُوهُ». قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: فَمِنْ اَلضَّارِبُ بِيَدِهِ، وَالضَّارِبُ بِنَعْلِهِ، وَالضَّارِبُ بِنَوْبِهِ، فَلَمَّا اصْبَرَ الْمُصْرِفَ، قَالَ بَعْضُ الْقَوْمِ: أَخْرِكُوكُمُ اللَّهُ، قَالَ: «لَا تَقْوُلُوا هَكَذَا، لَا تُعِيَّنُوا عَلَيْهِ الشَّيْطَانُ».

Bermaksud : Suatu ketika telah didatangkan seorang lelaki peminum arak kehadapan bagina nabi Muhammad SAW, ketika itu Rasulullah SAW bersabda “idribuhu” (kamu pukullah dia) Abu Hurairah berkata : di antara kami ada yang memukul menggunakan kantangan, ada yang menggunakan kasut, sebagaimanya ada yang menggunakan pintalan pakaian.

Bagi kesalahan-kesalahan takzir pula hukuman sebat juga diperuntukkan bagi mereka yang melanggar perintah syariat ini. Seperti di dalam al-Quran surah al-Nisak 4 : 34 berkenaan perbuatan isteri-isteri yang nusyuz terhadap suami mereka. Di dalam ayat tersebut Allah ta’ala telah menggunakan perkataan al-darb yang membawa maksud pukulan atau deraan keatas fizikal seseorang yang telah melakukan kesalahan tertentu seperti kesalahan di dalam ayat ini Allah ta’ala memberikan kuasa kepada suami sekiranya seseorang suami itu khuatir akan berlaku nusyuz kepada isterinya maka nasihatilah mereka dan pisahkan mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Perbuatan ini tidak termasuk dalam kategori hudud, maka hukuman pukul menurut ayat ini adalah hukuman takzir bagi tujuan menginsafi dan mengingatkan para isteri-isteri agar tidak mengulangi lagi perkara tersebut. Menurut Ahmad Fathi Al-Bahnasi (1970) perkataan al-darb ini sesuai bagi kesalahan-kesalahan takzir manakala perkataan al-jald adalah sesuai bagi kesalahan hudud atau had.

Dalam konteks ini, antara kesalahan yang boleh dikenakan hukuman takzir ialah seperti sesuatu kesalahan yang terkeluar daripada kesalahan hudud seperti rasuah, saksi palsu, makan harta riba’, mencuri secara terang-terangan seperti mengambil barang dengan disaksikan orang ramai serta semua kesalahan yang terkeluar daripada hudud, Ahmad Fathi Bahnasi (1992). Selain itu juga terdapat dalam sabda Nabi Muhammad SAW berkenaan pukulan kepada anak kecil kerana tidak menunaikan solat apabila mencapai umur 10 tahun, ini juga salah satu bentuk hukuman takzir atau peringatan kepada kanak-kanak tersebut supaya mendirikan solat. Walaupun hukuman berbentuk sebat seperti al-darb ini diperuntukkan di dalam al-Quran dan al-Hadith, perlaksanaan hukuman ini tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya sehingga mengakibatkan kecederaan yang melampau pada tubuh badan manusia. Seperti mana di dalam al-Quran sendiri banyak menggunakan kaedah nasihat, peringatan serta larangan daripada melakukan perbuatan maksiat ini. Kemudian barulah akan dikenakan hukuman yang setimpal kepada pesalah sekiranya tetap juga melanggar syariat serta melakukan maksiat kepada Allah Ta’ala.

### Pendapat Fuqaha’ Berkenaan Hukuman Sebat Bagi Kesalahan Hudud Dan Takzir

#### Kesalahan berzina (muhsin dan ghair muhsin)

Definisi zina ialah persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan seorang perempuan tanpa ikatan pernikahan yang sah mengikut hukum syarak. Menurut imam al-Qarafi (1994), zina ini bermaksud pencabulan kemaluan perempuan yang diharamkan melalui persetubuhan yang bukan milik dan bukan milik kesamaran. Zina juga menurut bahasa dan syarak ialah sama iaitu persetubuhan antara lelaki dan perempuan pada faraj di luar pemilikan yang sah mahupun nikah shubhat, Wahbah Zuhaili (1989).

Selain itu, mengikut pada pendapat fuqaha’ hukuman keatas kesalah berzina ini terbahagi kepada dua iaitu penzina muhsin dan penzina ghair muhsin. Hukuman bagi kesalahan penzina muhsin sepakat fuqaha’

## Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor

mengatakan bahawa rejam sehingga mati, kecuali ada beberapa pendapat yang menolak iaitu daripada pengikut Khawarij, kerana mereka berpendapat hadith yang disandarkan ke atas pesalah zina muhson ini tidak mutawatir yang mana jika sesuatu hukuman yang disandarkan kepada Rasulullah SAW hanyalah yang sah dan amalan baginda sahaja. Bagi pendapat ini mereka mengatakan hukuman sebat keatas kesalahan penzina muhson dan ghair muhson adalah beradarkan surah al-Nur seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini yang mana hukuman bagi penzina ialah sebat sahaja dan bukannya rejam hingga mati dan ia pula tidak membezakan sama ada muhson atau ghair muhson, teruna mahupun dara. Justeru itu, hukuman rejam memang tidak wujud di dalam al-Qur'an dan Hadith yang menerangkan hukuman rejam adalah daripada khabar ahad yang tidak pasti kesahihannya, Mohamed Azam (1999).

Menurut salah satu pandangan dari Ahmad Ibn Hanbal, mazhab Zahiri, mazhab Syi'ah Zaidiyyah dan lain-lain berpendapat bahawa seorang penzina muhson hendaklah dikenakan hukuman sebat dan rejam. Mereka merujuk kepada amalan Sayyidina 'Ali r.a yang menjatuhkan hukuman sebat ke atas seorang perempuan muhson. Sayyidina 'Ali berkata: "Saya menyebatnya berdasarkan kitab Allah dan merejamnya mengikut sunnah Rasulullah SAW." dan Hadith: "Ambillah dari aku, sesungguhnya Allah telah mengadakan jalan keluar untuk mereka (iaitu para penzina perempuan), teruna (apabila berzina) dengan dara disebat seratus kali dan dibuang daerah selama satu tahun, dan duda (apabila berzina) dengan janda disebat seratus kali dan direjam dengan batu." Walau bagaimanapun fuqaha berbeza pendapat dalam hukuman rejam sebagai hukuman kedua ke atas penzina muhson. Imam Ishaq, Ahmad dan Abu Daud berpegang kepada hukuman rejam dan sebat dengan merujuk kepada ucapan 'Ali, "Aku sebat berdasarkan al-Qur'an dan aku rejam mengikut al-Sunnah." Manakala Imam Malik, Abu Hanifah dan Syafi'i hanya menekankan hukuman rejam sahaja. Mereka telah merujuk kepada pelaksanaan rejam sahaja oleh Rasulullah SAW ke atas Ma'iz, alGhamidiyyah dan dua orang Yahudi, Mohamed Azam (1999).

Bagi kesalahan penzina ghair muhson jumhur fuqaha' sepakat bahawa hukumannya adalah 100 kali sebatan. Ianya juga bersandarkan dalil di dalam surah al-Nur seperti mana sebelum ini yang mana kandungan ayat tersebut mewajibkan sebatan 100 kali kepada kesalahan berzina. Di dalam hadith ada menyebut tentang hukuman dibuang daerah bagi kesalahan penzina ghair muhson, namun jumhur fuqaha' bersepakat bahawa hukuman sebat dan buang daerah itu memang wujud di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Hukuman ini adalah berdasarkan amalan yang telah dibuat oleh para khulafa' ar-Rasyidin serta fuqaha' silam seperti ibnMasud, ibnUmar, ibnAbi Layla dan Abu Thawr tanpa tentangan daripada para sahabat yang lain. Para ulama' az-Zohiri juga bersepakat tentang perkara ini, Abd Rahman.

Mengikut pada pendapat jumhur fuqaha' dan para ulama' mereka bersepakat tentang kedua-dua hukuman iaitu sebat dan dibuang daerah tetapi mereka berbeza pendapat berkenaan hukuman buang daerah terhadap penzina perempuan ghair muhson kerana menurut pendapat Imam as-Syafie, Imam al-Hanbali dan Az-Zohiri hukuman sebat itu mestilah diikuti dengan hukuman dibuang daerah selama setahun bagi penzina lelaki dan perempuan ghair muhson. Penzina perempuan yang ghair muhson mereka dibuang mestilah ditemani dengan mahramnya atau dengan upah atau bayaran tertentu (Abu Al-Husaini Muslim, 1983). Bagi pendapat ini mereka berpegang dengan hadith Rasulullah SAW yang berbunyi :

"خُذُوا عَنِي، خُذُوا عَنِي، قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا، الْبِكْرُ جَلْدٌ مَائَةٌ وَنَفْيٌ سَنَةٌ"

Bermaksud : Ambillah dariku! Ambillah dariku! Sesungguhnya Allah telah menjadikan bagi mereka itu ( kaum perempuan) jalan. Teruna dan dara yang berzina hukumannya ialah seratus kali sebat serta dibuang daerah selama setahun.

Mengikut pendapat mazhab Imam Maliki dalam masaalah buang daerah ini, hanya dikenakan keatas pesalah lelaki sahaja dan pesalah perempuan dan hamba mahupun lelaki dan perempuan langsung tidak dikenakan hukuman buang daerah, pandangan ini juga merupakan pandangan imam al-Awzai. Selain itu juga Mazhab imam Hanafi mengatakan bawaha tidak perlu digabungkan kedua-dua hukuman ini antara sebat dan buang daerah. Ini kerana, mereka berpendapat bahawa hukuman buang daerah ini tidak terdapat di dalam surah an-Nur mengenai hukum had bagi kesalahan zina. Hadith yang disandarkan oleh jumhur

## **Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor**

fuqaha' itu tidak diterima oleh mazhab Hanafi kerana hadith itu berstatus khabar ahad. Oleh yang demikian bagi mazhab Hanafi hukuman buang daerah bagi penzina ghairu muhson adalah bukan hukuman had tetapi ia adalah satu bentuk hukuman takzir yang boleh ditetapkan oleh pemenerintah melalui budi bicaranya samada untuk melaksanakannya atau sebaliknya, (Abd.Rahman Al-Jaziri).

Di samping itu, terdapat pula perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha mengenai hukuman buang daerah dan sebat terhadap penzina ghairu muhson. Abu Hanifah dan sahabatnya berkata, tidak wujud hukuman buang daerah ke atas penzina ghairu muhson. Manakala Syafi'i berpendapat bahawa hukuman buang daerah dan sebat mesti dijalankan ke atas penzina ghairu muhson, sama ada lelaki ataupun perempuan, sama ada merdeka ataupun hamba sahaya. Manakala Imam Malik berpendapat bahawa penzina lelaki diasingkan dan penzina perempuan tidak, demikian juga menurut al-'Auza'I, (Ibn.Rushd al-Qutubi, 2006).

### **Kesalahan Qazaft (tuduhan zina tanpa 4 orang saksi)**

Menurut Wahbah Zuhaili (1989), definisi qazaft daripada bahasa ialah melempar dengan batu atau sejenisnya yang lain. Qazaft juga membawa erti melontar seseorang dengan ucapan yang tidak disenangi kerana dalam ucapan tersebut mengandungi kesan buruk dan negatif serta menyakiti hati orang lain. Manakala menurut istilah syarak pula, qazaft ialah menuduh seorang yang baik dan suci berzina tanpa bukti yang cukup ataupun ucapan yang menafikan keturunannya. Seperti ucapan seseorang: "kamu bukan anak si pulan". Ayat tersebut bermaksud menuduh ibunya berzina, (Ahmad Kamaruddin Hj. Hamzah, 1989).

Mengenai kesalahan qazaft terdapat 2 bentuk hukuman iaitu yang pertama ialah hukum asal sebat dan yang kedua ialah hukuman tambahan iaitu kesaksian yang tidak diterima. Jumhur fuqaha' telah berpendapat bahawa hukuman bagi pesalah ini ialah 80 kali sebatan apa mereka didapati bersalah melakukannya. Namun demikian sebahagian fuqaha' berpendapat bahawa kesalahan qazaft ini samada ia merupakan hak Allah Ta'ala atau merupakan hak anak Adam, (Mat Saat Abd Rahman, 1999). Ini kerana sebahagian fuqaha berselisih pandangan bahawa tertuduh berhak memberi kemaafan kepada pesalah dan sebahagian fuqaha mengatakan bahawa tertuduh tidak berhak memberi kemaafan kepada pesalah, (Abd al-Qadir 'Awdah, 1998).

Dalam mazhab Imam Hanafi, mereka berpendapat bahawa hak Allah lebih mengatasinya daripada hak anak Adam yang mengatakan tertuduh boleh memaafkan pesalah dan menggugurkan hukuman had terhadap pesalah keseluruhannya, (Mat Saat Abd Rahman, 1999). Sebaliknya melalui pendapat mazhab imam as-Syafie dan mazhab Imam al-Hanbali mengatakan bahawa hak anak Adam mengatasinya daripada hak Allah dalam kesalahan qazaft dan sekaligus menjadikannya kemaafan daripada tertuduh kepada pesalah dapat menggugurkan hukuman had iaitu 80 kali sebatan terhadap pesalah tersebut, (Abd.Rahman Al-Jazari). Imam mazhab al-Maliki pula berpendapat kemaafan daripada tertuduh kepada pesalah hanyalah sah sebelum dibawah kehadapan hakim yang akan memutuskan perkara tersebut. Manakala apabila perkara tersebut sudah sampai kepada pengetahuan hakim, pemaafan daripada tertuduh masih lagi sah dan boleh dipakai sekiranya tertuduh sendiri ada unsur-unsur yang boleh menimbulkan tohmahan, celaan terhadap peribadinya kepada masyarakat. Namun sekiranya tertuduh merupakan seorang yang mempunyai peribadi yang baik, akhlak yang terpuji serta terpelihara dari segala tohmahan pemaafannya itu tadi langsung tidak akan menggugurkan hukuman had itu tadi, (Abd.Rahman Al-Jazari).

### **Kesalahan Meminum Khamar (Arak)**

Menurut Mohd. Said Ishak (2000) definisi khamar (arak) ialah Jumhur fuqaha' telah menyatakan bahawa khamar adalah setiap minuman yang di dalamnya terdapat zat yang memabukkan, sama ada ianya dinamakan arak ataupun bukan, diperbuat daripada anggur ataupun tidak. Mazhab imam as-Syafi'i, al-Maliki dan al-Hanbali pula berpendapat bahawa arak ialah setiap minuman yang memabukkan sama ada

## **Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor**

namanya arak ataupun tidak dinamakan arak. Sama ada ia diperbuat daripada pati anggur ataupun dari jenis benda lain seperti kurma muda, madu, ubi, gandum, dan biji-bijian, sama ada ianya sedikit ataupun banyak yang boleh memabukkan. Mazhab Imam Abu Hanifah mendefinisikan bahawa khamar ialah nama sesuatu yang mentah diperbuat dari anggur apabila ianya direbus atau dipanaskan sehingga berbuih dan diendapkan dalam masa yang lama sehingga ia menjadi jernih dan memabukkan, (isa al-'Amri, 2001). Dari beberapa definisi khamar yang tersebut di atas, jelas bahawa pendapat yang dinyatakan jumhur ulama menyatakan semua minuman yang terkandung di dalamnya zat yang dapat memabukkan sama ada ianya disebut arak ataupun tidak disebut arak dan ia adalah haram.

Menurut Mahmudz Mohamad (1985) mengenai hukuman keatas pemimum arak, semua fuqaha sependapat bahawa hukuman bagi pemimum khamar ialah al-jald (sebat). Namun mereka berbeza pandangan mengenai kadarnya. Terdapat sebahagian daripada meraka yang mengatakan bahawa hukumannya sebanyak lapan puluh kali sebatan menurut pendapat mazhab Imam Malik, mazhab Imam Abu Hanifah dan satu riwayat daripada Imam Ahmad. Manakala mazhab Imam as-Syafi'i dan satu pendapat daripada Imam Ahmad mengatakan hukuman bagi kesalahan tersebut ialah sebanyak empat puluh kali sebatan. Namun demikian, boleh pula pesalah itu dikenakan sebatan sebanyak lapan puluh kali apabila penguasa (kerajaan) berpendapat bahawa pesalah tersebut patut disebat sebanyak itu. Oleh demikian, had hukuman ialah empat puluh kali manakala lebih daripada itu adalah sebagai hukuman ta'zir.

Perbezaan pendapat jumhur fuqaha' dalam menentukan kualiti sebatan yang akan dikenakan kepada pemimum arak disebabkan ketiadaan bilangan yang pasti dalam kadar sebatan yang ditetapkan, sama ada dalam al-Qur'an maupun dalam Hadith Rasulullah SAW. Jumhur fuqaha' mengambil kira pendapat imam 'Ali bin Abi Talib, kerana menurut mereka pendapat tersebut telah diterima dan disepakit oleh para sahabat di zaman 'Umar Ibn al-Khattab. Manakala ulama as-Syafi'iyyah berpandukan kepada Hadith Anas Ibn Malik dan pernyataan 'Ali bin Abi Talib bahawa Rasulullah SAW dan Abu Bakar mensabitkan hukuman sebat itu hanya empat puluh kali sahaja. Namun demikian, ulama as-Syafi'iyyah juga menyatakan bahawa apabila hakim memandang ada kemungkinan yang akan dicapai dengan pelaksanaan hukuman sebat sebanyak lapan puluh kali bagi para pemimum khamar, maka boleh dilaksanakan hukuman tersebut. Namun penambahan sebatan tersebut bukan atas nama hukuman hudud, melainkan atas dasar budi bicara hakim yang termasuk dalam kategori hukuman ta'zir.

### **Hukuman Sebat Bagi Kesalahan Ta'zir**

Selain daripada kesalahan hudud yang menyebabkan pesalah dikenakan hukuman sebat, terdapat juga kesalahan ta'zir yang boleh menyebabkan seseorang pesalah itu dikenakan hukuman sebat. Berikut adalah beberapa kesalahan ta'zir yang boleh dikenakan hukuman sebat ke atas pesalah iaitu setiap kesalahan yang tidak ditetapkan hukumannya sama ada di dalam al-Qur'an maupun di dalam Hadith, maka ia tidak dimasukkan sebagai kesalahan hudud, kerana tidak cukup syarat-syarat yang ditetapkan. Kesalahan hudud adalah seperti pencurian, yang mana kesalahan tersebut akan dikategorikan sebagai kesalahan hudud apabila ia memenuhi syarat yang telah ditetapkan, (Ahmad Fathi Bahnasi, 1991). Di antara syaratnya ialah barang yang dicuri itu disimpan oleh pemiliknya di dalam satu tempat yang selamat. Apabila barang tersebut diambil secara terang-terangan, maka kesalahan tersebut dapat dikategorikan sebagai kesalahan ta'zir. Menurut Al-Mawardi (1973), apabila kesalahan mencuri yang dilakukan oleh pesalah itu tidak cukup syarat, tidak cukup nisab atau sebagainya maka ianya tidak sampai kepada hukuman had dan cukup sekadar hukuman takzir daripada pemimpin untuk memberi hukuman keatasnya.

Menurut Imam Al-kasani Al-Hanafi, hukuman sebat adalah wajib keatas pesalah yang telah melakukan kesalahan hudud, akan tetapi apabila ianya tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak maka terpulang kepada pemerintah untuk memberikan atau melaksanakan apa-apa hukuman yang difikir sesuai untuk hukuman tersebut seperti sebat, penjara dan lain-lain lagi.

## **Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor**

Selain itu juga, kesalahan-kesalahan yang dapat dikategorikan sebagai kesalahan ta'zir adalah seperti mana yang tertulis di dalam al-Qur'an seperti kesalahan rasuah, judi, dan memakan makanan haram. Manakala hukuman keseksannya ditetapkan oleh pemerintah atau hakim dengan mengikut kepada kesesuaian pada sesuatu tempat itu. Selain itu juga, kesalahan dalam hukuman qisas ataupun hudud dapat dikategorikan kepada kesalahan ta'zir apabila syarat kesalahan tersebut tidak cukup untuk dikategorikan sebagai kesalahan qisas atau hudud seperti pencurian yang dilakukan oleh kanak-kanak, maka perbuatan tersebut dikategorikan kepada kesalahan ta'zir.

Menurut Ahmad Fathi Bahnasi, (1991), setiap kesalahan yang tidak disabitkan hukuman terhadap pesalah, maka kesalahan tersebut hendaklah dilihat kepada had kesalahannya seperti kesalahan zina, menuduh wanita baik berzina, mencuri, merompak, penipuan, murtad dan meminum khamar (arak). Apabila seseorang melakukan kesalahan di luar kesalahan hudud yang telah ditetapkan hukumannya, maka ia bukan termasuk ke dalam kesalahan hudud, namun kesalahan tersebut dikategorikan sebagai kesalahan ta'zir seperti kesaksian palsu, memakan harta riba, rasuah dan semua perbuatan di luar daripada kesalahan hudud.

Mengikut pada pendapat para fuqaha tersebut dapat difahami bahawa hukuman sebat bagi kesalahan ta'zir boleh dijadikan sebagai hukuman kepada pesalah atau apa-apa alternative hukuman lain sekiranya kesalahan hudud itu tidak mencukupi syarat atau sebagainya. Walaubagaimanapun ianya tergantung kepada kuasa pemerintah setiap tempat berkenaan selepas mengambilkira pelbagai faktor, berat atau ringannya jenayah tersebut, serta boleh juga diambil kira tentang kepentingan orang awam dari semasa ke semasa.

### **Kesalahan-Kesalahan Yang Boleh Dikenakan Hukuman Sebat Dalam Perundangan Islam Negeri Johor**

Peruntukan mengenai kesalahan jenayah Syariah di Negeri Johor adalah berada di bawah enakmen kesalahan jenayah Syariah 1997. Di dalam enakmen ini terdapat beberapa bahagian kesalahan hanya terhad kepada orang Islam sahaja dalam bidang kekeluargaan, perwarisan, kesalahan-kesalahan matrimoni serta kesalahan-kesalahan ta'zir antaranya ialah bahagian (ii) iaitu berkaitan kesalahan yang berhubungan dengan 'aqidah, bahagian (iii) iaitu kesalahan yang berhubungan dengan kesucian agama islam dan institusinya, bahagian (iv) iaitu kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan, bahagian (v) kesalahan pelbagai dan bahagian (vi) iaitu penyubhatan dan percubaan. Sungguhpun demikian, peruntukan berkenaan kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sebat hanya terdapat di bawah bahagian (iv) iaitu kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan sahaja dan hukuman sebat ini tidak terdapat didalam bahagian-bahagian lain. Segala peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam enakmen tersebut adalah berdasarkan pada ketetapan yang terdapat di dalam senarai negeri Perlembagaan Persekutuan iaitu jadual ke Sembilan Senarai 2. Berdasarkan peruntukan itu juga Mahkamah Syariah di Negeri Johor mempunyai bidangkuasa jenayah yang sedikit, sangat kecil dan terbatas dalam memberi hukuman kepada pesalah.

Antara kesalahan-kesalahan dan hukuman yang boleh dikenakan hukuman sebat adalah seperti yang terdapat di Bahagian IV (Kesalahan yang berhubung dengan kesusilaan) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 (Enakmen No.4, Tahun 1997) terdapat kesalahan-kesalahan yang boleh diberi hukuman sebat iaitu (seksyen 20) Perbuatan sumbang mahram, (seksyen 21) Pelacuran, (seksyen 22) Muncikari, (seksyen 23) Persetubuhan luar nikah, (seksyen 24) Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, (seksyen 25) Liwat, dan (seksyen 26) Musahaqah. Semua kesalahan dibawah seksyen 21, seksyen 22, seksyen 23, seksyen 24, seksyen 25 dan seksyen 26 ini apabila pesalah disabitkan mereka boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat hukuman sebat yang boleh dikenakan kepada pesalah apabila iaanya disabitkan dengan kesalahan tersebut. Jika dilihat bilangan yang telah diperuntukkan oleh pemerintah ini adalah tidak sama seperti mana yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Hadith, maka hukuman sebat yang dilaksanakan di Negeri Johor ini boleh dikatogerikan sebagai hukuman ta'zir.

## **Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor**

Apabila sesuatu hukuman itu hendak dilaksanakan maka mahkamah perlu mematuhi segala kaedah atau Standard Operating Procedure (SOP) yang terdapat di dalam negeri ini. Di Malaysia tidak banyak Negeri-negeri yang mempunyai kaedah khusus tentang cara untuk melaksanakan hukuman sebat ini selain daripada Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu. Di Kelantan terdapat satu kaedah khusus berkenaan tatacara perlaksanaan hukuman sebat iaitu di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 [En. 2/1985] Seksyen 35, Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat 1987. Di dalam kaedah ini merangkumi beberapa kaedah antaranya, Kaedah 1 (Nama dan mula berkuatkuasa), Kaedah 2 (Tafsiran) Kaedah 3 (Tempat dan masa bagi menjalankan sebat), Kaedah 4 (Saksi-saksi), Kaedah 5 (Tempoh bagi menjalankan hukuman sebat), Kaedah 6 (Rotan), Kaedah 7 (Anggota badan yang tidak boleh disebat) Kaedah 8 (Cara pukulan sebat), Kaedah 9 (Pakaian dan keadaan), Kaedah 10 (Pemeriksaan oleh pegawai perubatan) dan Kaedah 11 (Pukulan sebat dengan menggunakan rotan yang lebih ringan).

Peruntukan berkenaan tatacara dalam melaksanakan hukuman sebat kepada pesalah di negeri Johor adalah tidak sama seperti yang terdapat di dalam Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat 1987 (Negeri Kelantan) iaitu seperti mana yang terdapat di dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003. Di dalam enakmen ini hanya dua sahaja seksyen yang memperuntukkan tatacara hukuman sebat iaitu dibawah seksyen 125 (hukuman sebat) dan di bawah seksyen 126 (Masa melaksanakan hukuman sebat).

### **Seksyen 125. Hukuman sebat**

- (1) *Peruntukan seksyen ini dan seksyen 126 hendaklah terpakai apabila tertuduh dihukum sebat.*
- (2) *Alat sebatan, tidak termasuk pemegangnya, hendaklah daripada jenis yang sama dan dibuat sama ada daripada rotan atau ranting kecil pokok yang tiada ruas atau buku dan panjangnya tidak melebihi 1.22 meter dan tebalnya tidak melebihi 1.25 sentimeter.*
- (3) *Peruntukan yang berikut hendaklah diikuti apabila melaksanakan hukuman sebat, iaitu -*
  - (a) *sebelum hukuman itu dilaksanakan, pesalah hendaklah diperiksa oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan untuk diperakui bahawa pesalah itu adalah dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani hukuman itu;*
  - (b) *jika pesalah itu sedang hamil, pelaksanaan itu hendaklah ditangguhkan sehingga tamat tempoh dua bulan selepas dia melahirkan anak atau keguguran, mengikut mana-mana yang berkenaan;*
  - (c) *hukuman hendaklah dilaksanakan di hadapan seorang Pegawai Perubatan Kerajaan di mana-mana tempat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah atau di suatu tempat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi maksud itu;*
  - (d) *orang yang dilantik untuk melaksanakan hukuman itu hendaklah seorang yang adil dan matang;*
  - (e) *orang itu hendaklah menggunakan alat sebatan dengan kekuatan yang sederhana tanpa mengangkat tangannya melebihi kepalanya supaya tidak melukakan kulit pesalah;*
  - (f) *selepas mengenakan satu sebatan, dia hendaklah mengangkat alat sebatan itu ke atas dan tidak menariknya;*
  - (g) *sebatan boleh dikenakan ke seluruh bahagian tubuh kecuali muka, kepala, perut, dada atau bahagian-bahagian sulit;*
  - (h) *pesalah hendaklah memakai pakaian mengikut Hukum Syarak;*

## **Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor**

- (i) jika pesalah itu lelaki, sebatan hendaklah dikenakan dalam keadaan dia berdiri, dan jika pesalah itu perempuan, dalam keadaan dia duduk;
- (j) jika semasa pelaksanaan hukum sebat itu Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa pesalah itu tidak lagi dapat menerima sebatan, sebatan itu hendaklah ditangguhkan sehingga Pegawai Perubatan itu memperakui bahawa pesalah itu sihat tubuhnya untuk menjalani baki hukuman itu.
- (4) Dalam hal pesalah itu dihukum sebat sahaja, maka dia hendaklah diperlakukan seolah-olah dia dihukum dengan hukuman pemenjaraan sehingga hukuman itu dilaksanakan.
- (5) Jika Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa pesalah itu, oleh sebab umur tua, keuzuran atau apa-apa sebab lain tidak dapat menjalani hukuman sebat pada keseluruhannya atau sebahagiannya, maka kes itu hendaklah dirujukkan kepada Mahkamah yang boleh memerintahkan hukuman itu dilaksanakan mengikut cara yang difikirkannya munasabah.

*Huraian - Umur tua ertiya telah mencapai umur lima puluh tahun atau lebih.*

### **Seksyen 126. Masa melaksanakan hukuman sebat**

- (1) Apabila tertuduh dihukum sebat sebagai tambahan kepada hukuman pemenjaraan, hukuman sebat itu tidaklah boleh dikenakan jika suatu rayuan dibuat dan sehingga hukuman itu disahkan oleh Mahkamah Rayuan yang berkenaan.
- (2) Sebatan itu hendaklah dikenakan dengan seberapa segera yang praktik dan dalam hal suatu rayuan, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan perintah Mahkamah Rayuan yang berkenaan yang mengesahkan hukuman itu.

Di Antara perkara yang penting yang perlu dititikberatkan di dalam pelaksanaan hukuman sebat di Negeri ini supaya lebih teratur dan tidak melanggar hukum syarak serta undang-undang yang ditetapkan ianya perlu diperkemas dan diteliti semula terutamnya dalam melaksanakan hukuman ini kepada pesalah antaranya ialah tiada satu pun peruntukan atau garis panduan berkaitan tempat pelaksanaan hukuman sebat dan tiada peruntukan kehadiran orang awam dan pelaksanaan hukuman di tempat terbuka serta tiada suatu tempat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan hukuman sebat ini, seksyen.125 (3)(c) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Johor 2003. Selain itu juga tiada prosedur pelantikan (orang yang dilantik untuk melaksanakan hukuman sebat) di bawah seksyen 125 (3)(d) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Johor 2003.

Di dalam enakmen ini juga tiada ada garis panduan yang khusus mengikut hukum syarak pakaian pesalah ketika hukuman sebatan dilaksanakan (125 (3)(h) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Johor 2003 dan tiada apa-apa peruntukan menyatakan ia dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia. Perkara ini perlu dilihat lebih serius dalam melaksanakan hukuman sebat kepada pesalah sehinggakan masa dan tempat untuk melaksanakan hukuman sebat juga dititikberatkan di dalam Islam seperti mana menurut Al-Kasani (1988), jumhur fuqaha berpendapat bahawa masa untuk menjalankan hukuman sebat terhadap pesalah adalah antara syarat yang paling penting iaitu sewaktu menjalankan hukuman sebat kepada pesalah. Antara keadaan yang paling sesuai adalah ketika cuaca yang sederhana iaitu tidak terlalu panas dan tidak pula terlalu sejuk. Hal ini kerana keadaan yang keterlaluan bagi kedua-duanya akan menambahkan lagi kesakitan kepada pesalah ketika menjalani hukuman tersebut. Oleh sebab itu ianya perlulah diambilkira dalam semua aspek agar situasi menjadi lebih adil bagi si pesalah. Sekiranya perkara ini tidak dinyatakan di dalam peruntukan yang sedia ada, kemungkinan hukuman sebat yang dikenakan keatas pesalah itu adalah melanggar daripada syariat Islam seperti yang telah digariskan.

## **Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor**

Jika dilihat satu persatu peruntukan berkenaan hukuman sebat di Negeri Johor ini terlalu banyak kelompongan dan kekeliruan dalam melaksanakan hukuman sebat kepada pesalah. Justeru pengkaji merasakan sudah tiba masanya pihak yang bertanggungjawab dalam meneliti peruntukan tersebut mengkaji dan mewujudkan satu mekanisme yang khusus bagi tujuan melaksanakan hukuman sebat ini kepada pesalah. Justeru tujuan pengkaji ingin mencadangkan kepada pihak-pihak yang berkaitan dan khususnya di negeri Johor satu mekanisme yang khusus bagi melaksanakan hukuman sebat di negeri Johor agar ianya tidak melanggar hukum syarak dan undang-undang yang sedia ada di negeri ini.

### **Kesimpulan**

Mengikut peruntukan daripada al-Quran, al-Hadith dan juga jumhur fuqaha' memang terdapat beberapa kesalahan sama ada kesalahan hudud mahupun kesalahan ta'zir yang boleh dikenakan hukuman sebat. Di antara kesalahan hudud yang boleh dikenakan hukuman sebat ialah kesalahan zina, menuduh perempuan baik berzina dan meminum khamar. Manakala kesalahan ta'zir yang boleh dikenakan hukuman sebat ialah semua kesalahan yang tidak dikategorikan sebagai kesalahan hudud ataupun qisas seperti memakan harta haram dan memberi atau menerima rasuah. Selain itu juga, kesalahan hudud atau qisas yang tidak memenuhi syarat sebagai kesalahan hudud dan qisas pun dapat dikategorikan kepada kesalahan ta'zir. Semua kesalahan hudud boleh dikenakan hukuman sebat mengikut kepada peruntukan di dalam al-Qur'an dan al-Hadith, manakala kesalahan ta'zir dikenakan hukuman sebat mengikut kepada keputusan penguasa ataupun hakim.

Tatacara pelaksanaan hukuman sebat telah ditetapkan di dalam perundangan Islam Negeri Johor namun dalam pelaksanaan hukuman sebat tersebut, masih banyak lagi yang perlu diperhatikan dan diambil perhatian oleh pemerintah terutamanya dalam aspek yang dititiberatkan dalam perundangan Islam iaitu mengenai tahap kesihatan pesalah, pakaian semasa menjalani hukuman, posisi pesalah semasa menerima hukuman, alat sebatan dan spesifikasinya, sasaran dan kekuatan pukulan serta masa dan tempat pelaksanaan sebatan. Oleh yang demikian, kajian ini cuba mewujudkan satu mekanisme atau kaedah yang khusus bagi melaksanakan hukuman sebat di Negeri Johor supaya segala enakmen dan tatacara yang wujud dalam dilaksanakan dengan mengamalkan kaedah yang tepat dalam mencapai matlamat pelaksanaan hukuman sebat yang sebenar itu akan tercapai iaitu memberi pengajaran kepada pesalah dan orang ramai supaya tidak melakukan kesalahan yang sama untuk kali kedua dan untuk mencegah pesalah daripada berterusan melakukan perbuatan jenayah tersebut.

### **Rujukan**

- Abd.Rahman Al-Jaziri. t.th. Kitab al-fiqh ala al-Madhab al-Arba'ah. Jilid 5. Kaherah: Maktabah At Tijariyyah al-Kubro.
- Abu Al-Husaini Muslim Ibn Al-Hajjaj. (1983). Sohih Muslim Bab Hudud. Jilid 3. hadith 1673
- Al-Ramli. (1968). Kitab Nihayatul Muhtaj Ila Syarh Al-Minhaj. Jilid 8. Mesir: Maktabah Mustofa Al-Halabiyy.
- Al-Kasani. (1988). Hasyiah al-Dasaqi 'ala Syarī al-Kabir. Jilid 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi.
- Ahmad Fathi Al-Bahnasi. (1970). al-Uqubah fi al-Fiqh al-Islami. Beirut: Darul-Raid al-Arabiyy.
- Ahmad Fathi Bahnasi. (1991). al-Mawsu'ah al-Jinaiyyah fi al-Fiqh al-Islami. Jilid 1. Beirut: Dar al-Nahiah al-'Arabiyyah.
- 'Abd al-Qadir 'Awdah. (1998). al-Tashri. Beirut: al-Jina'ie al-Islami Muqaranan bi al-Qanun al-Waq'i.
- Ibnu Manzur. (1986). Lisan Al-Arab. Jilid 12. Beirut: Dar As-Sadir.
- Siti Zubaidah Ismail. (2004). Pengalaman Kelantan Melaksanakan Hukuman Sebat Terhadap Kesalahan Jenayah Syariah. Jurnal Syariah, 12:1 [2004] 101-110
- Md. Nor Ab.Ghani. (1970). Kamus Dewan. Ed. 4, c. 2, Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Abi Muhammad Ibnu Abdullah Ibnu Ahmad Ibnu Mahmud Ibnu Qudamah. Kitab al-Mughni Wa-Yalihi al-Syarh al-Kabir. Jilid 10. Beirut: Darul Kitab al-Arabiyy.

## **Konsep Hukuman Sebat Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Negeri Johor**

- al-Mawardiyy, (1970). Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Habib al-Basriyy al-Baghdadi.. al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-wilayat al-diniyyah. Berut: Dar Kutub al-Ilmiyyah.
- Mat Saat Abd.Rahman. (1999). Jenayah Hudud. Shah Alam: Hizbi.
- Muhammad Ali Ibnu Muhammad Al-Syawkani. (1983). Nayl Al-Awthor Syarh Muntaqo Al-Akhyar. Jilid 7. Beirut: Dar-AlFikir.
- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Ashcath al-Sajastaniyy al-Azdiyy. (T.th). Sunan Abu Dawud, (Juzuk 2). Beirut: Dar al-Fikr.
- Sayyid Sabiq. (2007). Fiqih Sunnah. Nor Hasanuddin et al. (terj.), j. 3, c. 2. Jakarta: Pena Pundi Aksara.
- Mahfozd Mohamad. (1993). Jenayah Dalam Islam: Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-Hukum Hudud. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Muhammad Bin Isa Ibn Surah Al-Tirmizi. (1983). Sunan At-tirmizi. Volume 1, Abwab Al-Solat. Cetakan Ke-3. Beirut: Dar.Al-fikr hlmn.
- Imam Al-Qarafi. (1994). Kitab Ad-Dhakiroh. Jilid12. Beirut: Dar al-Gharbi al-Islami
- Al-Kasani. t.th. Kitab Al-Badaie al-sana'i. Jilid.9. Kaherah: Maktabah al-Imam.
- Muslim bin al-Hujjaj al-Qushayri. (1987). Sahih Muslim. (Juzuk 9). Beirut: al-Maktabah al-Islami.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (1999). Hukuman Rejam Keatas Penzina Muhsin: Satu Perbahasan dalam.
- Abdul Karim Ali dan Raihanah Haji Azhari (eds.), Hukum Islam Semasa: Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mahmodz Mohamad. (1985). Jenayah Dalam Islam: Satu Kajian Mengenai Hukum-Hukum Hudud. c. 1. Kuala Lumpur: Percetakan Wanko Sdn. Bhd.
- Abi al-Walid (2006). Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ahmad Rushd al-Qutubi.. Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtalid. c. 1. Bierut: Mu'assasah al-Ma'rif li al-abi'ah wa al-Nasrsh.
- Mohd. Said Ishak. (2000). Hudud Dalam Fiqh Islam. Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Wahbah Az-Zuhaili. (1989). Kitab Al-Fiqh Islami Wa-Adillatuhu. Jilid.7. Cetakan ke-3. Damsyik: Dar-Alfikr.

### **Rujukan Statut**

Perlembagaan Persekutuan

Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat 1987 (Negeri Kelantan)

Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003

Akta Parlimen. Malaysia. (1997). Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997.